

SELASA, 23 APRIL 2019



Degree in Physiotherapy.
Early Bird offer and financial aid available.



Sarawak

Sabah

Nasional

Dunia

Iban

Sukan

Ekonomi

Mahkamah

Rencana

[Halaman Utama](#) » [Sarawak](#) » Kerjasama semua pihak penting dalam membanteras dadah

Kerjasama semua pihak penting dalam membanteras dadah

© 2019-04-23T00:30:01+08:00



UNTUK KENANGAN: Ali bersama peserta menunjukkan isyarat bagus selepas Taklimat Sivik Pendidikan Pencegahan Dadah 2019 di Dewan Toh Puan Hajah Masniah, SMK Tun Abang Haji Openg semalam.

KUCHING: Penglibatan serta kerjasama ibu bapa, guru dan masyarakat setempat amat penting dalam usaha membanteras penyalahgunaan dadah terutama dalam kalangan pelajar sekolah.

Timbalan Pengarah Penerangan Sarawak Ali Suhaili berkata, dadah umpama duri dalam daging kepada masyarakat.

“Dan sehingga hari ini, dadah merupakan penyebab kepada kerosakan akhlak masyarakat kita,” katanya semasa menyempurnakan Majlis Perasmian Taklimat Sivik Pendidikan Pencegahan Dadah 2019 di Sekolah Menengah Kebangsaan (SMK) Tun Abang Haji Openg di sini, semalam.

Seramai 170 pelajar tingkat satu hingga lima serta ahli Persatuan Ibu Bapa dan Guru (PIBG) dan ketua kaum menghadiri taklimat itu.

Ali berkata generasi muda adalah tunjang kepada negara dan oleh itu isu penyalahgunaan dadah perlu diambil berat dan serius oleh masyarakat kerana ia mengancam institusi kekeluargaan dan masyarakat.

“Justeru, masalah penyalahgunaan dadah perlu ditangani sebaiknya daripada peringkat sekolah kerana generasi ini yang akan menerajui negara suatu hari nanti dan sekiranya generasi ini terjerumus dengan dadah maka akan rebahlah negara kita nanti,” katanya.

Ali turut memberitahu, penganjuran aktiviti sivik seperti ini telah wujud sejak dahulu hingga kini untuk membawa masyarakat mengetahui dan memahami dengan lebih jelas dasar kerajaan supaya dapat diterima oleh rakyat.

Terdahulu, Pengetua SMK Tun Abang Haji Openg Affida Helmi mengucapkan terima kasih kepada Jabatan Penerangan, Agensi Antidadah Kebangsaan (AADK) dan Polis Diraja Malaysia (PDRM) yang telah menyampaikan mesej-mesej yang amat berguna kepada para pelajar dalam membantu membentuk generasi muda yang sihat dan bebas dadah.

Program bersama Jabatan Penerangan Malaysia Sarawak, Bahagian Narkotik PDRM dan AADK itu turut diisi dengan pertunjukan anjing pengesan (K9) oleh Unit K9, Jabatan Siasatan Jenayah Kontinjen Sarawak, sesi ceramah daripada Jabatan Siasatan Jenayah Narkotik IPK Sarawak, PDRM yang disampaikan Inspektor Lucia Nabih dan ceramah oleh Penolong Pegawai AADK Nadia Muhd Hazmi.

Ceramah tersebut bertujuan memberi pendedahan dan menyampaikan informasi kepada belia terutama pelajar mengenai trend penyalahgunaan dadah serta tindakan perundangan daripada PDRM.

Selain itu, perkongsian kisah hidup turut disampaikan oleh Pembimbing Rakan Sebaya (PRS) AADK Mohamad Nasir Abdul Rahman (bukan nama sebenar) bagi memberi pengajaran kepada pelajar tentang impak negatif gejala dadah dalam kehidupan.

Hadir sama ialah Pegawai Pendidikan Daerah Kuching Ashpalela Wasli dan Penolong Kanan Hal Ehwal Murid SMK Tun Abang Haji Openg Ustazah Nor Azlina Zainal.

[Kategory Sarawak](#)



Facebook



Twitter



Google+



Email



Print